

JAWATAN KOSONG

Kami merupakan satu-satunya Syarikat yang diberi lesen membekalkan air bersih kepada semua pelanggan domestik dan industri di Negeri Terengganu Darul Iman. Dalam usaha memantapkan lagi pengurusan organisasi, Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. mempelawa pemohon-pemohon daripada WARGANEGARA MALAYSIA RAKYAT NEGERI TERENGGANU yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

1. JAWATAN : PEN. PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN (PEMBACA METER AIR) – Lelaki Sahaja

- a) GRED : SG3
- b) KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
- c) TARAF JAWATAN : KONTRAK

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- a) warganegara Malaysia rakyat Negeri Terengganu;
- b) berumur antara 21 hingga 30 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Sijil dalam bidang teknikal bekalan air yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ; **atau**
- d) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- e) kepujian dalam Matematik dan Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
- f) memiliki lesen memandu kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta tiada rekod kesalahan jalanraya;
- g) mempunyai kenderaan sendiri ; **dan**
- h) lulus Peperiksaan Khas SATU

Keutamaan diberi kepada :-

- a) calon yang memiliki kelulusan dalam bidang teknikal yang lebih tinggi daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau politeknik-politeknik tempatan yang diiktiraf
- b) calon yang berkebolehan dalam mengendalikan sistem berkomputer.

3. CARA MEMOHON

1. Borang permohonan boleh diperolehi dengan melayari laman web www.satuwater.com.my
2. Borang permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen berikut :-
 - i. Gambar berukuran pasport (warna)
 - ii. Salinan sijil kelahiran dan kad pengenalan yang disahkan.
 - iii. Salinan sijil kelulusan akademik yang disahkan.
 - iv. Salinan transkrip penuh kelulusan akademik yang disahkan.
 - v. Salinan lesen memandu berkaitan yang disahkan.
 - vi. Salinan kad pengenalan bapa sekiranya pemohon lahir di luar Terengganu yang disahkan.
 - vii. Sijil Kerakyatan Negeri Terengganu, jika bapa dan pemohon lahir di luar Negeri Terengganu yang disahkan.
 - viii. Salinan dokumen-dokumen lain yang berkaitan yang disahkan, jika ada.
3. Permohonan daripada Pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A Perkara 21.
4. **Hanya borang permohonan yang lengkap diisi beserta kesemua dokumen-dokumen di para 2 sahaja yang akan diproses.**
5. Hanya calon yang berkelayakan selepas tapisan dan lulus Peperiksaan Khas SATU sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
6. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup permohonan, hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Nama Jawatan hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada :-

Ketua Pegawai Eksekutif
Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
(U.P. Bahagian Perkhidmatan Korporat)

8. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 24 JUN 2012**